

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr.M gesa tolak konsep DAP

SIBU, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d menegaskan, rakyat Sabah dan Sarawak mesti menolak DAP jika mereka ingin mengekalkan satu rumpun masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Menurut Perdana Menteri, dasar perkauman parti itu boleh menjejaskan suasana harmoni di kedua negeri tersebut.

"Jika mereka menginginkan kestabilan politik, mereka patut menolak DAP, malah parti itu sendiri tidak mendapat tempat di sini," katanya dalam satu sidang akhbar selepas mengakhiri lawatan singkat ke Sarawak, di sini, petang ini.

Perdana Menteri menegaskan, sentimen perkauman parti DAP hanya 'mengacau' kemajuan projek-projek Kerajaan yang telah dicapai sehingga ini.

"Untuk memudahkan projek-projek pembangunan Kerajaan berjalan lancar, kerjasama semua kaum perlu dikekalkan," katanya lagi.

Bellau juga berkata, masyarakat Cina di Sarawak tidak menerima konsep perkauman DAP.

Mengenai kemajuan pembangunan di Sarawak, Datuk Seri Dr. Mahathir berpuashati kerana banyak projek pembangunan termasuk di kawasan-kawasan pedalaman telah dan sedang dilaksanakan.

Bagaimanapun, kata bellau, lebih banyak projek pembangunan perlu dilaksanakan di Sabah dan Sarawak di masa-masa akan datang.

Perdana Menteri diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah tiba di Sibu setelah merasmikan sebuah sekolah menengah di Serikel.

Sebelum itu bellau melawat Mukah di Bahagian Ketiga Sarawak untuk merasmikan Loji Paip Air di situ.

Bellau berlepas pulang ke Kuala Lumpur, lewat petang ini.

No. S

No. P